

Anwar: Apa takut sangat, apa nak dicuri?
MalaysiaKini.com
Apr 21, 2014

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak perlu mendedahkan barangan apa sebenarnya yang dibawa dalam kargo MH370 yang didakwa cuba disembunyikan daripada pengetahuan umum, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Setiap kapal terbang yang berlepas mesti ada *cargo manifest*, maknanya keterangan barangan yang dibawa dan semuanya direkodkan, (tetapi) yang ada (dalam MH370) hanyalah empat tan manggis dan bateri (lithium ion).

“Sampai sudah kerajaan Malaysia dan MAS belum bagi maklumat dan masih lagi berahsia. Kenapa takut sangat?”

“Benda apa yang nak dicuri? Apa sebenarnya barang yang nak dibawa ke China? Najib tolong beritahu,” ketua umum PKR itu dilapor sebagai berkata.

Beliau dilapor berkata demikian oleh *Keadilan Daily* di hadapan 4,000 hadirin pada ceramah Jelajah Reformasi 2.0 di Bandar Ipoh Raya, Jumaat lalu.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/260607>